

# Program Motivasi Dan Dialog Bersama Ibubapa Pelajar MCG Siri 2/2012

*Artikel oleh: Arif Mandangan*

Pada 6 November 2012, Program Matematik dengan Komputer Grafik (MCG) telah mengadakan Program Motivasi dan Dialog bersama Ibubapa Pelajar MCG Siri 2/2012 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Sekolah Sains dan Teknologi. Program ini bertujuan untuk memberi rangsangan serta dorongan kepada para pelajar MCG yang memperoleh Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dibawah 2.30 dan Purata Nilai Gred Komulatif (PNGK) dibawah 2.00 untuk memperbaiki dan seterusnya meningkatkan lagi pencapaian akademik mereka. Sesi motivasi adalah dikelolakan oleh YBerusaha Dr. Abdullah Bade selaku Ketua Program MCG. Sejurus selepas sesi motivasi, satu sesi dialog antara para pelajar dengan para pensyarah MCG diadakan. Melalui sesi ini, para pelajar berpeluang untuk meluahkan segala masalah akademik mahupun peribadi yang mereka hadapi. Bagi para pelajar yang memperoleh Purata Nilai Gred Komulatif (PNGK) dibawah 2.00, ibubapa mereka telah dijemput bagi menghadiri sesi dialog bersama para pensyarah MCG.



Sesi dialog berkenaan diadakan sebagai medium perbincangan di antara para pensyarah dan ibubapa pelajar demi mencari kaedah terbaik bagi membantu anak-anak mereka untuk memperbaiki pencapaian akademik mereka.